

TAJUK	JABATAN PERDANA MENTERI	Jumlah Yang Diperuntukkan
SA01A	Jabatan Perdana Menteri	BND49,925,900
SA02A	Jabatan Adat Istiadat Negara	BND2,997,200
SA03A	Jabatan Audit	BND 6,188,100
SA04A	Biro Kawalan Narkotik	BND13,404,400
SA05A	Biro Mencegah Rasuah	BND 7,032,900
SA06A	Jabatan Keselamatan Dalam Negeri	BND29,428,800
SA07A	Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat	BND 2,539,300
SA08A	Radio Televisyen Brunei	BND 50,986,400
SA09A	Jabatan Penerangan	BND6,555,000
SA10A	Jabatan Perkhidmatan Awam	BND36,632,720
SA11A	Jabatan Perkhidmatan Pengurusan	BND2,702,400
SA12A	Polis Diraja Brunei	BND122,244,700
SA14A	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	BND 4,891,900
SA15A	Unit Petroleum	BND4,829,400
SA16A	Jabatan Mufti Kerajaan	BND5,308,600
SA17A	Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi	BND9,848,900
SA18A	Bahagian Undang-Undang	BND 803,900
SA20A	Jabatan Percetakan Kerajaan	BND10,477,400
SA21A	Pejabat Peguam Negara	BND10,929,200
SA22A	Jabatan Kehakiman Negara	BND8,438,200
SK05A	Jabatan Perkhidmatan Elektrik	BND117,264,300
SA23A	Pusat Kebangsaan E-Kerajaan	BND23,238,600
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
SB	Kementerian Pertahanan	BND511,983,000
	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN	
SC	Kementerian Hal Ehw al Luar Negeri dan Perdagangan	BND173,679,410
	KEMENTERIAN KEWANGAN	
SD01A	Jabatan Kementerian Kewangan	BND343,773,106
SD03A	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	BND14,159,000
SD05A	Jabatan Perbendaharaan	BND10,714,000
SD05A	Perkhidmatan Rampaian	BND406,196,780
SD06A	Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara	BND3,842,500
SD08A	Perkhidmatan Rampaian HMSF	BND117,414,321



Usul menjunjung kasih

Titikberatkan pentadbiran negara dan kebajikan rakyat

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah semasa berangkat menghadiri Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

“INI akan mematrikan kemajuan yang dibina itu kekal bertapak di atas platform kukuh dengan kepimpinan, karismatik dan bijak bistari Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri, negara yang kita cintai ini akan berjaya mencapai ‘Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur.’”

- Menteri Pendidikan,
Yang Berhormat Pehin Orang
Kaya Seri Lela Dato Seri Setia
Haji Awang Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac.. - Menteri Pendidikan mencadangkan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersetuju meluluskan satu usul menyembahkan sepenuh-penuhnya menjunjung kasih kehormatan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda ke Istiadat Pembukaan Rasmi MMN pada hari Khamis, 11 Mac yang baru lalu dan di atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang mana majlis itu menjunjung kasih dengan sepenuh-penuhnya.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyuarakan cadangan itu semasa Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Keberangkatan Kebawah DYMM itu jelas Yang Berhormat menunjukkan bahawa baginda adalah seorang ketua negara yang sentiasa menitikberatkan dan mendahulukan hal-hal yang melibatkan takbir urus negara dan kebajikan rakyat jelata di dalamnya.

Yang Berhormat berkata kebijaksanaan Kebawah DYMM memerintah negara ini adalah satu kurnia yang amat tinggi daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang telah memberikan rakyat negara ini kehidupan yang aman makmur yang berpanjangan zaman-berzaman.

“Kesentosaan hidup berbangsa dan bernegara ini akan dapat kita pertahankan selagi kita berada di landasan yang betul dan yakin dengan keupayaan kita sendiri sebagai sebuah negara yang kecil tetapi mantap dan teguh dengan kelebihan yang dimiliki oleh negara ini,” ujar Yang Berhormat.

Titah yang dikurniakan oleh baginda itu kata Yang Berhormat lagi umpama suluh yang menunjukkan jalan kepada kita semua untuk bertindak dengan sewajarnya.

“Ini akan mematrikan kemajuan yang dibina itu kekal bertapak di atas platform kukuh dengan kepimpinan, karismatik dan bijak bestari Kebawah DYMM sendiri, negara yang kita cintai ini akan berjaya mencapai ‘Baldatun Toyyibatun Wa Rabbun Ghafur,’” ujar Yang Berhormat lagi.

Memetik titah baginda semasa majlis perasmian yang baru lalu berhubung sosioekonomi negara ini yang terus kukuh dan stabil, Yang Berhormat menjelaskan, titah baginda itu sangat bermakna kerana kekukuhan dan kestabilan itulah para penduduk negara ini terus dapat menyaksikan kemampuan negara ini dalam meneruskan agenda-agenda pembangunan dan mengekalkan keharmonian bagi memastikan rakyat dan penduduknya hidup dengan aman dan selesa.

Kejayaan tersebut ujar Yang Berhormat meningkatkan keyakinan segenap pihak akan keupayaan pemerintahan baginda yang tetap berdaya tahan dalam apa jua suasana.

Namun jelas Yang Berhormat tidak dapat dinafikan dalam ketekunan kita mengejar kemajuan kadang kala kita hampir-hampir terlepas pan-

dang terhadap perkara dasar yang menjadi tulang belakang kepada kekuatan sesebuah masyarakat itu.

Jelas Yang Berhormat lagi negara juga mengakui bahawa dalam kepesatan dan kepantasan teknologi hari ini, cabaran-cabaran yang dihadapi bukan lagi seperti masa yang lalu.

“Ombak teknologi terkini yang amat besar dan kuat itu boleh menghakis peradaban bangsa kita yang tinggi dan halus ini hingga kita amat khuatir yang generasi kita akan datang menghadapi krisis identiti, krisis-krisis karektor dan yang lebih parah lagi ialah krisis jati diri.

“Namun alhamdulillah kepimpinan bijaksana dan tegas Kebawah DYMM telah begitu cepat menyedarkan kita agar kita sentiasa berada di landasan yang betul,” ujar Yang Berhormat.

Ketegasan itu, jelas Yang Berhormat telah berjaya membawa negara berdaulat ini menuju ke arah kemajuan secara menyeluruh tanpa sambil lewa aspek-aspek kerohanian sebagai benteng yang kukuh.

Dalam kita menyahut titah baginda itu, Yang Berhormat berkata kita perlu mengambil teladan bahawa kemajuan sahaja tidak mencukupi untuk memastikan negara ini akan sentiasa berada dalam keadaan aman sejahtera kerana pembangunan dan kemajuan fizikal itu adalah intervensi terhadap alam lingkungan sama ada lingkungan fizikal ataupun lingkungan sosial.

“Jika kita tersilap, kita akan merosak lingkungan itu. Oleh sebab itu falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang menjadi tonggak negara ini adalah kunci kesejahteraan yang mesti diperturunkan kepada generasi yang akan datang,” ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan pada keseluruhannya titah baginda itu padat berisi dengan nasihat untuk menjadi asas pegangan kita dalam menerajui agensi-agensi kerajaan.

Seterusnya selaku ahli sidang majlis, Yang Berhormat berkata ahli-ahli yang bersidang merupakan jentera utama dalam mekanisme Kerajaan Kebawah DYMM itu dan oleh sebab itu, sebagai barisan hadapan dalam badan induk ini, mereka perlu ikhlas dan *receptive* dalam mendengar dan menerima apa jua pandangan dan penjelasan yang diberikan tanpa adanya prejudis.

Seterusnya selaku perwakilan dari pihak kerajaan dan rakyat jelata, Yang Berhormat berkata apa jua buah fikiran dan isu yang akan diutarakan hendaknya sentiasa fokus kepada perkara-perkara fakta utama dan sesuai untuk dibentangkan dan bermesyuarah secara berhemah serta menghalakan perbincangan itu kepada sasaran yang jelas dan nyata.

Yang Berhormat juga melahirkan keyakinan tanpa perasaan was-was menaruh kepercayaan dan kebijaksanaan Yang Di-Pertua Dewan sendiri dalam menentukan, memastikan perjalanan persidangan murni mereka itu dalam keadaan teratur, lancar, jelas dan terarah untuk mencapai hasrat sebenar persidangan tersebut diadakan setiap tahun.

Penubuhan Batalion Ke-4 ABDB dalam perancangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Perancangan penilaian bagi penubuhan Batalion Ke-4 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) akan dimasukkan dalam ‘Kertas Putih’ pertahanan baru yang dijadualkan akan dikeluarkan dalam tahun 2011.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohamad Yasmin bin Haji Umar menjelaskan perkara itu ketika men-

Oleh : Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

jawab pertanyaan Ahli Yang Dilantik dari Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad tentang perancangan masa depan Khe-mah ABDB di Bangar.

“Insya-Allah projek ini besar kemungkinan akan terkandung di

dalam perancangan masa sederhana di dalam perancangan masa sederhana Kementerian Pertahanan iaitu di antara lima ke sepuluh tahun,” jelas Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan.

Ke muka 3

Sektor pertanian, agrimakanan pesat berkembang di Daerah Tutong

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Pelaburan dalam sektor pertanian dan agrimakanan telah pun berkembang di Daerah Tutong sejak awal lagi.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya, ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha bin Abd. Rauf berhubung dengan rancangan kerajaan untuk mewujudkan perusahaan-perusahaan di Daerah Tutong.

Menurut Yang Berhormat, Seluas 1,804.15 hektar keluasan tanah telah diwartakan bagi aktiviti pertanian dan agrimakanan Daerah Tutong, yang mana seluas 605.64 hektar telah pun diagihkan kepada peladang dan pengusaha pertanian dan agrimakanan untuk dimajukan.

Bagi industri ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPA) telah membuka beberapa kawasan di Daerah Tutong yang pada masa ini telah dimajukan dengan beberapa jenis perusahaan berkaitan industri berkenaan. Industri ternakan di Daerah Tutong, khususnya perusahaan berkaitan penternakan ayam bernilai BND44.71 juta setahun.

Menurut Yang Berhormat lagi, industri buah-buahan, jabatan berkenaan juga telah membuka beberapa kawasan untuk dimajukan dengan perusahaan tanaman buah-buahan dengan menghasilkan 140.6 tan metrik (BND140 ribu) di KKP Kupang pada tahun 2009, KKP Batang Mitus mencatatkan 34.7 tan metrik BND21 ribu dan KKP Birau dengan BND1,424

JPA juga menempatkan Stesen Penyelidikan Pertanian Birau yang menjalankan aktiviti-aktiviti penyelidikan dalam bidang tanaman buah-buahan di Daerah Tutong mempunyai keluasan lebih kurang 83 hektar. Di samping menjalankan aktiviti-aktiviti kajian, aktiviti koleksi dan penanaman berbagai-bagai jenis buah-buahan tempatan dan jenis buah-buahan yang diperkenalkan dari luar negara juga dilaksanakan secara berterusan bagi mengekalkan diversiti buah-buahan yang mempunyai po-



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhammad Taha berhubung dengan rancangan kerajaan untuk mewujudkan perusahaan-perusahaan di Daerah Tutong. - Foto : Abdul Kadir Md. Tahir.

tensi untuk dikembangkan.

Sementara itu, Yang Berhormat juga menyentuh mengenai dengan Projek 'Satu Produk Satu Kampung', Kemajuan Pertanian Luar Bandar (KPLB), sektor perikanan termasuk Ternakan Udang di Kampung Keramat, Ternakan Udang di Telisai - Sungai Paku dan penghasilan anak-anak ikan Selungsong di Kampung Kuala Tutong oleh Syarikat Semaun Marine Sdn. Bhd.

Di sektor perhutanan, perusahaan-perusahaan berasaskan kayu yang sedang berjalan di Daerah Tutong, antaranya, ialah pengeringan dan pengawetan papan oleh Syarikat Twinwood di Tapak Perindustrian Serampang, pemprosesan hiliran dan nilai tambah perkayu.

Menurut Yang Berhormat lagi, Badan Kemajuan Industri Brunei telah pun menyediakan kawasan perindustrian Serampang dengan keluasan 40 hektar dan dirancang untuk menyediakan 24 lot tapak perindustrian dan 32 unit kompleks perindustrian disediakan bagi aktiviti perindustrian yang berkaitan dengan pembuatan dan perkhidmatan.

Sehingga ini, terdapat beberapa perusahaan yang bertapak di Kawasan Perindustrian Serampang, antaranya Perusahaan Tekstil (Syarikat ATH), Perusahaan Pengawetan Kayu (PDS) dan Food Canning (Sabli).



“BAGI industri ternakan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah membuka beberapa kawasan di Daerah Tutong yang pada masa ini telah dimajukan dengan beberapa jenis perusahaan berkaitan industri berkenaan. Industri ternakan di Daerah Tutong, khususnya perusahaan berkaitan penternakan ayam bernilai BND44.71 juta setahun.”

- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar



MESYUARAT Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dipengerusikan oleh Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj.

Penubuhan Batalion Ke-4 ABDB dalam perancangan

Dari muka 2



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad ketika membangkitkan isu berhubung draf pelan akhir Daerah Temburong. - Foto : Azmah Haji Ahad.



SUASANA Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam MMN.

Pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis MMN di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis itu, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin juga berkata, memang terdapat perancangan untuk meningkatkan penempatan tentera di Daerah Temburong dari satu kompeni yang ada pada masa ini kepada kekuatan satu batalion iaitu Batalion Ke-4.

Namun, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan mengingatkan bahawa penubuhan satu batalion dan seterusnya pembinaan perkhemahan bagi penempatan kekuatan satu-satu batalion memerlukan perancangan yang teliti dan seterusnya pelaksanaan yang rapi.

Jelasnya, ia bukan saja melibatkan kawasan bahkan juga pembinaan infrastruktur dan sumber tenaga manusia yang berkelayakan dan mencukupi.

“Selain daripada kepentingan keselamatan, berbagai perkara juga perlu diambil kira

“BAHAWA penubuhan satu batalion dan seterusnya pembinaan perkhemahan bagi penempatan kekuatan satu-satu batalion memerlukan perancangan yang teliti dan seterusnya pelaksanaan yang rapi.”

- Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Paduka Haji Awang Mohammad Yasmin bin Haji Umar

misalnya dari segi ekonomi, sosial, kesan alam sekitar dan sebagainya,” jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad juga membangkitkan isu berhubung draf pelan akhir Daerah Temburong yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) yang menyatakan tentang perancangan bagi pembinaan Kampus Pendidikan Lanjutan Tentera.

Ketika menjawab pertanyaan itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan berkata, kampus yang dimaksudkan dalam pelan berkenaan bukanlah kampus tentera yang ditakrifkan oleh Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman dan ia bukan di bawah perancangan Kementerian Pertahanan dan ABDB.

“Perlu peramba terangkan di sini draf pelan Daerah Temburong yang disediakan oleh pihak konsultan, peramba difahamkan masih di dalam perbincangan di antara JPBD dan beberapa pihak yang terlibat bagi mendapatkan pandangan dan komen mereka,” jelas Yang Berhormat.

Dalam hal itu jelasnya, Kementerian Pertahanan dan ABDB akan turut sama menyumbangkan buah fikiran dalam menghalusi draf tersebut dalam menyokong usaha kerajaan dalam membina Daerah Temburong melalui perancangan yang teratur.

Kementerian Kesihatan ambil langkah kurangkan gangguan atas perkhidmatan X-Ray Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Kementerian Kesihatan telah mengambil dua langkah bagi mengurangkan gangguan ke atas perkhidmatan X-Ray di Hospital Pengiran Isteri Hajah Mariam (PIHM) di Temburong.

Langkah-langkah tersebut ialah dengan melantik kontraktor berkecayaan untuk memperbaiki mesin-mesin berkenaan dan melakukan pemeriksaan rutin setiap dua minggu sekali.

Perkara itu telah dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi ketika menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik dari Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN) di Dewan Dendang MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

"Sebenarnya kita mempunyai dua mesin X-Ray di Hospital PIHM di Temburong iaitu jenis mesin X-Ray tetap dan mudah alih. Kedua-dua mesin sering mengalami kerosakan," jelasnya.

Setelah diperbaiki, mesin-mesin tersebut telah pun beroperasi sepenuhnya sehingga boleh menggambar 50 kali sehari malah mengikut statistik yang diperolehi daripada Hospital PIHM.



AHLI Yang Dilantik dari Daerah Temburong, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad semasa di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN).



JURUTULIS MMN, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Perkema Jaya Dato Paduka Awang Haji Judin bin Asar dan Penolong Jurutulis, Dayang Rose Aminah binti Haji Ismail.

Menurutnya, seramai 166 orang telah diX-Ray dari bulan Januari hingga Mac 2010 berbanding 36 yang telah dihantar ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) dalam jangka masa yang sama.

Sebagai langkah penyelesaian, Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Kesihatan juga telah memohon peruntukan bagi penggantian mesin X-Ray tersebut dan pada masa ini dalam proses pembelian.

Menyentuh mengenai penyediaan kenderaan khas bagi mengangkut pesakit Daerah Temburong yang dirujuk ke Hospital RIPAS, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan perkhidmatan tersebut adalah melalui bot laju tambang awam (bagi pesakit-pesakit biasa) sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik dari Daerah Temburong.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menjelaskan, bagi kes-kes yang menghidap penyakit berjangkit mereka akan diasingkan dan dibawa oleh bot-bot yang tidak bercampur dengan orang ramai yang lainnya.

Menurutnya, bagi kes-kes yang berbentuk kecemasan, masih lagi menggunakan perkhidmatan helikopter.

Di samping itu, katanya, di bawah Projek 'Emergency Medical Ambulance Service' (EMAS), Kementerian Kesihatan telah pun merancang mengadakan perkhidmatan ambulans sungai atau river ambulance service yang lengkap dengan peralatan emergency khusus bagi mengangkut pesakit yang memerlukan pengangkutan air bukan hanya untuk pesakit di Temburong tetapi juga di Kampung Ayer.

"Termasuk dalam projek EMAS ialah usaha untuk menambah kakitangan paramedik dan untuk tujuan ini perundingan telah pun diadakan dengan Institut Perubatan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bagi mengadakan program



Oleh :
Hezlinawati
Haji Abd. Karim,
Dk. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad
Foto :
Ak. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

latihan yang berse-suaian," jelasnya.

Dengan berjalannya projek EMAS itu nanti masalah emergency service akan dapat diperbaiki dari semasa ke semasa.

Pendidikan sekolah praagama menjadi kemestian apabila akta undang-undang diluluskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac. - Pendidikan sekolah praagama di sekolah-sekolah negara ini sedikit masa lagi akan menjadi kemestian apabila akta undang-undangnya yang memasuki tahap kedua diluluskan dan hal ini juga serupa dengan pelajaran Pengetahuan Uagama Islam (IRK) dari Tingkatan Satu.

Apabila undang-undang itu diluluskan nanti, setiap murid sekolah rendah yang menduduki Darjah Dua di sekolah rendah diistimikan memasuki sekolah praagama tanpa pengecualian dan bagi mereka yang bukan Islam juga boleh memasuki praagama.

Sementara itu bagi mereka yang menduduki di Tingkatan Satu juga akan diistimikan mengambil mata pelajaran IRK hingga ke pengajian tinggi.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Ismail bin Haji Manaf ketika dihubungi di pejabatnya oleh wakil PELITA BRUNEI sempena berlangsungnya Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Perkara pendidikan agama di mesyuarat itu

KPSSU tingkat pengeluaran padi ke arah sara diri pengeluaran beras negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac. - Usaha-usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) untuk meningkatkan pengeluaran padi ke arah sara diri pengeluaran beras negara ini.

Antara usaha tersebut ialah dengan membuka kawasan baru menggunakan varieti padi yang berhasil tinggi, meningkatkan infrastruktur ladang, menggalakkan pengeluaran secara komersial melalui usaha sama dengan negara luar dan menggalakkan sistem penanaman padi yang lebih efisien.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Setia Haji Awang Yahya menjelaskan demikian ketika menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Dato Paduka



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

Awang Haji Puasa mengenai penanaman padi sejak ianya dilancarkan secara besar-besaran pada tahun lalu serta yang sudah dijalankan untuk mencapai sasaran penanaman padi.

Menurut Yang Berhormat, usaha lain termasuklah menubuhkan sekolah ladang bagi meningkatkan pengetahuan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta peladang, menggalakkan penyer-

" USAHA-USAHA telah dan sedang dijalankan oleh Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama untuk meningkatkan pengeluaran padi ke arah sara diri pengeluaran beras negara ini. "

- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya

taan belia melalui latihan di sekolah vokasional dan menyediakan perkhidmatan lepas tuai.

Setakat ini ujarnya, hasil pengeluaran beras pada musim 2009/2010 adalah dianggarkan sebanyak 2.900 tan metrik atau mencapai 8.81 peratus tahap sara diri.

Mengenai subsidi pula katanya, ianya ditawarkan dengan kadar yang berbeza dan bagi pengusaha padi persendirian diberikan subsidi

harga semaian, subsidi harga bantuan seperti baja dan racun dan subsidi separuh harga bagi pembelian jentera dan mesin penanaman padi.

Dalam perbincangan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara hari ini, Yang Berhormat menambah, pembelian padi pula adalah pada harga yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dengan syarat padi yang dinamakan adalah padi yang ditentukan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Oleh : Abdullah Asgar

diberi nasihat untuk mendaftarkan bagi persekolahan praagama tahun 2010 yang membara senarai keseluruhan 5,695 orang.

Pengarah Pengajian Islam seterusnya menyatakan, jika undang-undang dan akta itu diluluskan nanti mana-mana ibu bapa yang gagal mendaftarkan anak-anak mereka masuk ke darjah praagama boleh diambil tindakan undang-undang dan jika sabit boleh didenda hingga BND5,000 di bawah Akta Perintah Pendidikan Uagama.

"Undang-undang dan akta itu selaras dengan Akta dan Undang-Undang yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan pada mana-mana ibu bapa yang gagal mendaftarkan anak-anak mereka masuk prasekolah ketika umur mencapai enam tahun juga boleh diambil tindakan yang sama," katanya.

Beliau memberitahu, pada tahun ini pihaknya menganggarkan kemasukan ke sekolah praagama hanya mencapai 5,300 orang, namun setelah pihaknya meneliti dan menerima borang

kemasukan sekolah jumlahnya mencapai 5,695 orang iaitu terdiri 5,590 murid yang beragama Islam dan 105 mereka yang bukan Islam.

"Pihaknya sekarang ini sedang dan telah mengemas kini kurikulum pendidikan agama dengan IRK menjadi pendidikan teras, malah pelajaran di sekolah agama direviu sebegitu rupa supaya ia berkesinambungan dengan pelajaran IRK di peringkat sekolah menengah serta ia tidak akan bertindih dengan harapan pelajaran dan penyampaian akan lebih menarik hingga menimbulkan semangat belajar yang mendalam di kalangan murid-murid," terangnya.

Sijil tamat sekolah agama Darjah Enam katanya, juga akan dikeluarkan kepada setiap mereka yang tamat malah bagi mereka yang berhenti sekolah agama separuh jalan juga boleh meneruskan semula tanpa syarat asalkan mereka yang terbabit mahu meneruskan agama walaupun sekarang dalam Tingkatan Lima.

"Perancangan mendatang pihaknya pengiktifaran Sijil Darjah Enam Uagama akan dijadikan prasyarat yang pada masa sekarang masih dalam proses pengiktifaran," jelas

" UNDANG-UNDANG dan akta itu selaras dengan Akta dan Undang-Undang yang diguna pakai oleh Kementerian Pendidikan pada mana-mana ibu bapa yang gagal mendaftarkan anak-anak mereka masuk prasekolah ketika umur mencapai enam tahun juga boleh diambil tindakan yang sama. "



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menjelaskan perkara dalam perbahasan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara. - Foto : Azmah Haji Ahad.



“SERAMAI 712 daripada tidak bersekolah agama iaitu kira-kira 1.71 peratus dan seramai 1,095 pelajar pula tidak menamatkan persekolahan agama (2.62 peratus) dan ibu bapa bagi pelajar yang tidak bersekolah agama telah dihubungi dan hasilnya, 209 pelajar yang tidak bersekolah agama dan tidak menamatkan persekolahan agama telah mendaftar masuk ke sekolah agama berdekatan pada Mei dan Jun 2009.”

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd. Zain

41,715 kanak-kanak bersekolah agama 2009

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 15 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama telah mengambil langkah yang bersungguh-sungguh untuk menjadikan persekolahan agama itu wajib kepada kanak-kanak yang beragama Islam di negara ini.

Antara langkah yang dibuat ialah Menggubal Akta Yang Di-Gelar Perintah Pendidikan Ugama yang mana penelitian rang akta itu telah pun dilakukan bersama-sama Jabatan Peguam Negara.

Sehubungan itu kementerian berkenaan telah membuat beberapa kajian untuk mengetahui kera-maian pelajar Islam yang tidak bersekolah agama dan tidak menamatkan sekolah agama bagi kanak-kanak Islam yang berada dalam Darjah Dua (Tahun Dua) hingga Menengah Dua (Tahun Lapan) pada tahun lalu dan untuk menganggarkan berapa ramaikah kanak-kanak yang akan memasuki kelas prasekolah agama bagi tahun ini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain menjelaskan perkara dalam perbahasan di Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keenam Majlis Mesyuarat Negara.

Menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah berkali-kali memberi isyarat bahawa pendidikan agama daripada bawah lagi sewajarnya wajib bukan 50 tahun sebagai pilihan, Yang Berhormat berkata, hasil kajian mendapati terdapat seramai 41,715 pelajar Islam di seluruh negara yang belajar dari Tahun Dua hingga Tahun Lapan bagi tahun 2009 di sekolah rendah dan menengah kerajaan serta swasta.

Dari jumlah tersebut, ujar Yang Berhormat, seramai 712 daripadanya tidak bersekolah agama iaitu kira-kira 1.71 peratus dan

seramai 1,095 pelajar pula tidak menamatkan persekolahan agama (2.62 peratus) dan ibu bapa bagi pelajar yang tidak bersekolah agama telah dihubungi dan hasilnya, 209 pelajar yang tidak bersekolah agama dan tidak menamatkan persekolahan agama telah mendaftar masuk ke sekolah agama berdekatan pada Mei dan Jun 2009.

Yang Berhormat menjelaskan ini adalah berdasarkan statistik kera-maian murid sekolah agama pada 2009 ialah 39.902 orang, manakala kera-maian di seluruh negara pada tahun ini sehingga 31 Januari ialah 41,006 orang.

Bagi memenuhi keperluan ke arah mewajibkan persekolahan agama di negara ini, Yang Berhormat seterusnya berkata, seramai 35 tenaga pengajar dikehendaki bagi tahun ini yang mana Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan mengenai perkara tersebut.

Yang Berhormat menambah, keperluan kepada kelas dan bangunan bagi menghadapi masa hadapan sedang dalam kajian dan perancangan.

Dari muka 1

Di samping itu tambahnya, sebagai langkah mengukuhkan lagi infrastruktur-infrastruktur asas di negara ini, mengambil kira kesan dan sumbangannya dalam meningkatkan taraf hidup dan keselamatan rakyat dan penduduk negara ini serta dalam membantu meningkatkan daya saing negara untuk menarik aktiviti pelaburan ke negara ini tambahan-tambahan peruntukan juga disediakan, khusus bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan bekalan tenaga elektrik di negara ini.

Bagi Tahun Kewangan 2009/2010, di samping peruntukan yang telah diluluskan oleh majlis ini jelasnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah memperkenankan peruntukan tambahan sejumlah BND16.7 juta bagi menangani masalah penularan wabak penyakit Influenza A (H1N1).

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan, peruntukan sejumlah BND40.4 juta juga telah pun disediakan untuk mempercepatkan lagi usaha atau langkah-langkah pembaikan, pemeliharaan dan menaik taraf infrastruktur dan lain-lain kemudahan awam seperti sistem saliran; bekalan air; elektrik; serta sistem perhubungan; yang mana peruntukan ini adalah sebagai tambahan kepada peruntukan yang telah disediakan dalam Rancangan Kemanusiaan Negara (RKN).

Di bawah aspek Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan, Yang Berhormat berkata, usaha berterusan kerajaan bagi memastikan kebajikan rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa terpelihara, berbagai kemudahan dan bantuan telah pun disediakan.

Sejak sekian lamanya, kemudahan-kemudahan dan bantuan-bantuan tersebut jelasnya telah dihulurkan melalui berbagai cara, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ini termasuklah melalui skim-skim bantuan, pemberian subsidi-subsidi dan pengawalan caj-caj perkhidmatan atau harga-harga bekalan asas.

Di samping itu bantuan langsung menurutnya turut dihulurkan oleh agensi-agensi tertentu kepada golongan yang kurang berkemampuan atau berkeupayaan. Langkah-langkah ini, alhamdulillah, telah membolehkan rakyat dan penduduk negara ini secara keseluruhannya, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah, dapat menikmati taraf kehidupan yang lebih baik berbanding dengan negara-negara

lain.

Pemberian perkhidmatan yang dimaksudkan katanya termasuklah bagi keperluan-keperluan asas seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, bekalan tenaga elektrik, minyak kenderaan, air, beras, gula, malah juga penyediaan skim perumahan negara dan pengurusan tanah bagi rakyat jati dan lain-lain.

Yang Berhormat menyatakan, keperluan kewangan kerajaan bagi membiayai keperluan-keperluan di atas adalah amat besar. Jumlah ini dijangka terus meningkat dari setahun ke setahun, memandangkan pertambahan bilangan rakyat dan penduduk serta peningkatan kos-kos bekalan dan kos-kos pemberian perkhidmatan berkenaan.

Keperluan penyediaan sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung kemudahan-kemudahan ini terangnya adalah merupakan satu cabaran yang amat besar yang perlu dihadapi. Demi memastikan fiscal sustainability dalam pengurusan kewangan kerajaan, ianya amat perlu ditangani dengan bijak dan bersepadu oleh setiap agensi kerajaan yang terlibat dan akan memerlukan kefahaman dan kerjasama padu rakyat dan penduduk di negara ini.

Begitu juga mengenai isu-isu Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan. Menurut, bagi jangka panjang, isu-isu ini perlu ditangani secara menyeluruh melalui perancangan bersepadu dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Ini katanya, adalah bertujuan bagi mengatasi masalah kemiskinan ini secara lebih sistematik, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia sempena Awal Tahun 1430 Hijrah 'supaya negara terus bergerak untuk meningkatkan taraf hidup, sesuai dengan matlamat mencapai tahap kemiskinan sifar'.

Ke arah mendukung usaha-usaha tersebut jelasnya, secara keseluruhannya sejumlah BND327,313,000 (5.79 peratus) telah pun disediakan di bawah kategori perbelanjaan Kesejahteraan Sosial dan Pembasmian Kemiskinan yang mana sejumlah BND3 juta disediakan bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi melaksanakan kerja-kerja Kajian Program Pembasmian Kemiskinan.

Selain itu tambahnya, peruntukan Derma Bantuan telah disediakan sebanyak BND9 juta bagi mereka yang berkelayakan dan sejumlah BND23.4 juta telah disediakan bagi membiayai keperluan caruman majikan dan Top-Up di bawah Skim Persaraan Caruman Tambahan (PCT) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2010.

Jumlah tersebut menurutnya, ti-

dak termasuk sebanyak BND340.3 juta yang telah pun disediakan oleh kerajaan bagi pembayaran catch-up bagi peserta-peserta yang berkelayakan.

Selanjutnya Yang Berhormat menyatakan, dari aspek perkhidmatan kesihatan, selain daripada BND5 juta yang disediakan bagi menangani Wabak Penyakit Berjangkit, peruntukan-peruntukan tambahan yang telah disediakan antara lainnya bagi Perkhidmatan Perubatan Untuk Pesakit Keluar Negeri; Pembelian Perakas dan Peralatan disediakan sebanyak BND- 6.43 juta; serta peruntukan bagi pembelian ambulan.

Sebagai makluman tambahnya, sejumlah BND22 juta pula telah pun diluluskan sebagai tambahan kepada peruntukan sedia ada sebanyak BND40 juta bagi membiayai keperluan pembelian ubat-ubatan bagi Tahun Kewangan 2009/2010 ini.

Di samping itu katanya, beberapa program/projek juga sedang dan akan terus dilaksanakan dalam usaha untuk menangani isu-isu pembasmian kemiskinan, dan mengatasi pengangguran yang antara lainnya termasuklah Program Pembangunan Keusahawanan Belia bagi Belia Berdikari, yang dikelola oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, sebagai tambahan kepada program-program khas bagi membiayai keperluan peningkatan latihan bagi Perkembangan Belia; dan penyediaan peruntukan sebanyak BND200,000 di bawah akaun Aktiviti Perekonomian Mukim dan Kampung di bawah kelolaan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, di samping peruntukan yang sedia ada sebanyak BND220,000 bagi aktiviti-aktiviti Perundingan Mukim dan Kampung.

Sebagai usaha meningkatkan tahap penyediaan perkhidmatan asas dan infrastruktur seperti perkhidmatan bekalan elektrik, perumahan, jalan raya, tempat-tempat riadah, bersukan dan sebagainya jelasnya, peruntukan sejumlah BND656.3 juta juga telah disediakan di bawah sektor binaan dan kemudahan awam bagi melaksanakan projek-projek infrastruktur ini.

Yang Berhormat berkata adalah diharapkan, dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan di bawah sektor ini, pihak kerajaan akan mencapai objektif-objektif untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara ini, mampu untuk mengikuti persekolahan mereka di mana bantuan-bantuan yang dihulurkan bukan sahaja bagi memenuhi keperluan sara hidup harian keluarga berkenaan, akan tetapi juga memastikan setiap anak-anak mereka dapat mengikuti program persekolahan mereka se-

penuhnya.

Selain untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi tahap program latihan dan perkembangan belia-belie seperti Belia Cintakan Negara, Projek Skim Berdikari dan sebagainya jelasnya, dihususkan bagi memupuk sikap berdikari di kalangan rakyat dan penduduk negara ini terutama mereka yang mempunyai keupayaan mental dan fizikal. Inisiatif ini juga diharap akan dapat mengurangkan budaya meminta-minta dan pemikiran yang suka berharap kepada bantuan kerajaan.

Yang Berhormat menambah, untuk mempercepatkan dan menggalakkan lagi aktiviti perekonomian rakyat dan penduduk di negara ini diperingkat akar umbi, selaras dengan usaha memupuk sikap berdikari dan budaya bekerjasama di peringkat mukim dan kampung.

Sebagai langkah berterusan bagi mendukung usaha kerajaan bagi mencapai objektif sara diri pengeluaran beras negara terangnya, peruntukan sebanyak BND20 juta akan disediakan di bawah kawalan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama bagi melaksanakan Projek Penanaman Padi Negara Aspek Keselamatan Bekalan Makanan Kebangsaan (National Food Security) turut diambil kira.

Melalui peruntukan tersebut, dan juga peruntukan-peruntukan tertentu yang akan disediakan di bawah RKN katanya, diharap akan dapat membantu program-program penggalak penanaman padi di negara ini.

Manakala aspek Perkembangan dan Pengukuhan Sektor Swasta pula, bagi Tahun Kewangan 2010/2011, Yang Berhormat menyatakan berbagai projek telah dikenal pasti untuk dilaksanakan di samping kemudahan-kemudahan yang sedia ada.

Di antara projek-projek yang dirancang menurutnya, termasuklah Projek Rebutan Keusahawanan yang diperuntukkan sebanyak BND100,000 kelolaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU); Pembaikan Jeti Pengambilan Air Laut di Pusat Perkembangan Akuakultur, Meragang yang diperuntukkan sebanyak BND200,000 bagi membekalkan air laut secara berterusan dalam kerja-kerja pengkajian untuk menghasilkan induk udang yang Specific Pathogen Free.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan lagi, penerusan Skim Berdikari dan Program Latihan Perkembangan yang bertujuan bagi menggalakkan belia-belie untuk berdikari dengan melibatkan diri dalam per-

niagaan. Sebagai perancangan bagi memastikan belia-belie tersebut mempunyai keupayaan dan peluang untuk berjaya dalam bidang perniagaan yang diceburi, pelaksanaan skim ini akan menetapkan kriteria-kriteria tertentu.

Antaranya jelasnya, ialah setiap pemohon akan diperlukan untuk mengikuti kursus asas pengurusan perniagaan dan kemahiran. Skim Bantuan atau Pinjaman Kewangan hanya akan dihulurkan setelah pemohon berjaya menamatkan kursus yang bakal diceburinya.

Di samping itu katanya, dengan sasaran perbelanjaan RKN bagi Tahun Kewangan 2010/2011 sebanyak BND1,050 juta, di mana antaranya sebanyak BND245.1 juta disediakan bagi Sektor Perindustrian dan Perdagangan; BND105.7 juta bagi Sektor Pengangkutan dan Perhubungan; sebanyak BND42.9 juta bagi Sektor Teknologi Info-Komunikasi; serta pengagihan-pengagihan awal sebahagian peruntukan di bawah Projek Rampaian, adalah diharapkan aktiviti perekonomian di negara ini akan dapat dipertingkatkan.

Dengan peruntukan-peruntukan yang disediakan tersebut jelasnya, ianya juga diharap akan dapat memberikan penekanan kepada pengukuhan modal insan (human capital) itu sendiri, seperti kepakaran, kemampuan, keupayaan, komitmen, kemahiran pengurusan dan sebagainya. Ini mengambil kira bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menyediakan pelbagai skim kemudahan kewangan yang dikelola oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan.

Sehingga 31 Disember 2009, Skim Kemudahan Perusahaan yang dikelola oleh KPSSU melalui dua buah bank katanya telah menghulurkan bantuan kemudahan pinjaman kewangan kepada sebanyak 122 pengusaha keseluruhannya yang berjumlah BND42.3 juta; manakala sejumlah BND9.6 juta telah dihulurkan bagi bantuan di bawah Skim Kewangan Mikro Kredit kepada seramai 485 pengusaha. Walau bagaimanapun, dari jumlah tersebut masih terdapat tunggakan bagi skim-skim berkenaan.

Ini tambahnya, menunjukkan bahawa bantuan kewangan atau modal semata-mata bukanlah merupakan satu-satunya faktor yang dapat menjamin kejayaan seseorang pengusaha tersebut. Adalah lebih perlu penekanan diberikan kepada peningkatan kapasiti, terutama pengetahuan teknikal, pengurusan perniagaan dan pengurusan kewangan, serta dalam hal ehwal pemasaran produk.



Oleh :
Dk. Hajah Fatimah
Pg. Haji Md. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai perancangan bagi mengadakan Program Khidmat Bakti Belia Negara (PKBN) seperti yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berkaitan dengan 'belia lepak' di Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Dari Musim Permesyuaratan Keenam hari ini.

Menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, PKBN bertujuan untuk mewujudkan belia Brunei yang



AHLI Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking. - Foto : Ak. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali.

Program Khidmat Bakti Negara wujudkan belia cemerlang



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat. - Foto : Azmah Haji Ahad.

cemerlang, selaras dengan matlamat Dasar Belia Negara (DBN), di samping meningkatkan semangat patriotik, beriltizam dan berdaya saing.

Bagi mencapai tujuan berkenaan, tegas Yang Berhormat, PKBN dicadangkan mengandungi beberapa komponen perlu dijalankan seperti

Jati Diri dan Kenegaraan, Latihan Disiplin dan Fizikal; dan Khidmat Komuniti (Kerja-karya Kemasyarakatan).

PKBN jelasnya adalah lebih berkonsepkan pembentukan belia calak Brunei tanpa melibatkan aspek-aspek ketenteraan terutamanya mengenai penggunaan senjata tetapi lebih ke arah pembentukan jati diri, berwawasan, berdaya tahan, bertatasusila dengan berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Kumpulan sasaran tegas Yang Berhormat lagi ialah pelajar Tingkatan Lima (Tahun 11) yang sudah selesai menduduki peperiksaan 'O' Level terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berumur di antara 16 - 18 tahun. Program ini dicadangkan berjalan selama tiga bulan. Peserta yang terlibat akan mengikut pemeriksaan kesihatan dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa dan penjaga serta pihak sekolah.

Menurut Yang Berhormat lagi, pada masa ini, kementeriannya telah

“PKBN adalah lebih berkonsepkan pembentukan belia calak Brunei tanpa melibatkan aspek-aspek ketenteraan terutamanya mengenai penggunaan senjata tetapi lebih ke arah pembentukan jati diri, berwawasan, berdaya tahan, bertatasusila dengan berlandaskan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB)”

- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat.

dan sedang melaksanakan beberapa program yang mirip dan sehaluan dengan 'Kerahan Tenaga' termasuk Program belia BATUAH, Program KAMAS, Program B-Aktif dan Outreach (berkayak dan berkhemah), Program Belia Cinta Tanah Air (PBCTA) dan sebagainya.

Sebagai contoh, PBCTA adalah satu program yang dianjurkan sempena Hari Kebangsaan. Program ini dihasilkan untuk meningkatkan lagi semangat kenegaraan dengan menerapkan nilai-nilai murni hidup bermasyarakat, beragama, bernegara, berpasukan dan berpersatuan. Program ini mempunyai tiga fasa iaitu 'Iltizam Belia Dengan Orang Ramai', 'Menyeritai Perbarisan Lalu Sambutan Hari Kebangsaan' dan 'Berkhidmat Untuk Masyarakat'.

Manakala Program KAMAS pula melibatkan para belia dalam kerja-karya sukarela untuk mengerjakan kerja-kerja kemasyarakatan seperti membersihkan kawasan perkuburan, rumah-rumah dan sebagainya.

8.81 peratus tahap sara diri hasil pengeluaran beras musim 2009 /2010

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Hasil pengeluaran beras pada musim 2009/2010 dianggarkan sebanyak 2,900 tan metrik atau mencapai 8.81 peratus tahap sara diri berbanding dengan 911.3 metrik tan iaitu dengan 2.77 peratus tahap sara diri pada tahun 2008.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar, ketika menjawab soalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, berhubung dengan usaha kerajaan untuk membuka ladang padi yang luas yang mempunyai parit dan tali air serta jalan-jalan yang mencukupi.

“BEBERAPA kawasan baru telah dikenal pasti dan dibuka iaitu kawasan baru ladang padi di keempat-empat buah daerah iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara melibatkan 170 hektar di Batong; Panchor Murai 150 hektar; Junjongan 1 dan Limau Manis seluas 200 hektar, manakala Junjongan 2 ialah 100 hektar.”

- Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Abu Bakar.

Menurut Yang Berhormat, sejak pelancaran Penanaman Padi Ke Arah Sara Diri Pengeluaran Beras di Negara Brunei Darussalam, beberapa kawasan baru telah dikenal pasti dan dibuka iaitu kawasan baru ladang padi di keempat-empat buah daerah iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara melibatkan 170 hektar di Batong; Panchor Murai 150 hektar; Junjongan 1 dan Limau Manis seluas 200 hektar, manakala Junjongan 2 ialah 100 hektar.

Pada peringkat permulaan, kerja-kerja penanaman padi bagi kawasan-kawasan Batong, Panchor Murai, Limau Manis dan Junjongan akan dikendalikan oleh pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan selama beberapa musim penanaman. Ini adalah untuk mengelakkan daripada masalah-masalah teknikal seperti masalah kesesuaian tanah, masalah serangan musuh dan penyakit serta lain-lain lagi.

Bagi Daerah Belait empat buah kawasan dikenal pasti iaitu kawasan Lot Sengkuang 700 hektar; Labi baru 260 hektar; Buau 1,000 hektar, manakala Kandal 600 hektar.

Menurut Yang Berhormat lagi, Daerah Tutong, penanaman kawasan padi di Majlis Perundingan Kampung Tanjung Maya dengan 44.88 hektar; Paya Lubuk Gusi, Bekiau 40 hektar; Pengkalan Mau dengan 46.8 hektar dan Supon pula ialah 955 hektar. Sementara itu, Daerah Temburong tiga kawasan bagi penanaman padi ialah 200 hektar di kawasan Selapon; 80 hektar di Senukoh dan 400 hektar di Lekien / Perdayan.

Selain daripada membuka kawasan baru, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan juga telah berusaha untuk meningkatkan infrastruktur ladang di kawasan-kawasan yang sedia ada di keempat-empat buah daerah antaranya dengan meningkatkan sistem pengairan saliran dan menaik taraf jalan ladang, membersihkan kawasan dan mendalami saliran, pemberian longkang di kawasan ini dengan bantuan Jabatan Kerja Raya.

'Belum ada peruntukan' bagi Projek Warisan Pusaka Pusat Eko-Pelancongan Kuala Balai

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Projek Warisan Pusaka Pusat Eko-Pelancongan Kuala Balai yang sebenarnya bukanlah dibekukan semasa ianya ditimbulkan di Musim Permesyuaratan Kelima pada tahun lepas dan projek ini belum ada peruntukan yang disebutkan sebanyak BND12 juta itu.

Menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafiee bin Ahmad, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya, menjelaskan projek membangunkan Warisan Pusaka Pusat Eko-Pelancongan Kuala Balai melibatkan beberapa buah agensi seperti Jabatan Daerah Belait, Universiti Brunei Darussalam dan Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kemen-

terian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Selain itu, tegas Yang Berhormat, beberapa buah agensi dari pihak swasta juga telah terlibat dalam projek ini. Brunei Shell Petroleum, pada misalnya, terlibat dalam membina *Rumah Budaya*. Sementara syarikat pengendali pelancongan, Mona Flora Fauna, mempromosi dan memasarkan pusat ini sebagai destinasi ekopelancongan.

Selain mempunyai sejarah warisan, Kuala Balai mempunyai beberapa produk ekopelancongan lain yang berpotensi untuk dimajukan dan diketengahkan. Antaranya ialah seperti perusahaan membuat ambulung secara tradisi bagi memperkenalkan salah satu budaya dan cara hidup puak Belait, aktiviti *birdwatching*, di mana mengikut kajian Universiti Brunei Darussalam, sebanyak 165



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Haji Awang Yahya. - Foto : Azmah Haji Ahad.

jenis ekor burung terdapat di kawasan ini. Aktiviti *birdwatching*

boleh dipromosikan kepada pelancong pencinta alam, aktiviti sukan di air.

Dengan Sungai Kuala Balai yang tidak tercemar, aktiviti sukan air seperti lumba perahu, sukan memancing dan *jet ski* boleh menghidupkan semula kemeriahan Kuala Balai dan kawasan-kawasan berhampiran, di samping *homestay* di mana para pelancong dapat merasakan dan mengalami keunikan cara-cara kehidupan seharian dan budaya orang kampung melalui penyediaan pelancongan desa. Ini akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk kampung.

Bagi merealisasikan Kuala Balai sebagai destinasi ekopelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) mencadangkan peningkatan infrastruktur dan perkhidmatan perlu diadakan. Ini terma-

suklah membangunkan semula dan menaik taraf Rumah Budaya Puak Belait; pembinaan jeti bagi *river cruise* dan penglibatan pihak swasta (*Association of Travel Agents of Brunei Darussalam - ATTAB*) dalam memajukan produk Kuala Balai.

KPPSU seterusnya berpendapat, jika Kuala Balai dimajukan sebagai destinasi ekopelancongan, ini akan menarik semula penduduk-penduduk kampung dan yang berdekatan untuk bermas-tautin semula di Kampung Kuala Balai. Ini adalah faktor utama kepada kejayaan dan kesinambungan Kuala Balai sebagai destinasi ekopelancongan. Di samping itu, kejayaan juga tertakluk kepada kepimpinan Pejabat Daerah dan penglibatan masyarakat mukim dan kampung serta pengusaha-pengusaha tempatan dan komitmen ATTAB.

Kurangkan bergantung kepada bantuan : PUPUK SIKAP BERDIKARI



“*MEREKA sekarang bukan lagi di bawah label fakir miskin, sekurangnya untuk beberapa tempoh tertentu. Dan tidaklah mustahil, dari jumlah seramai itu, akan ada juga mereka yang tidak mahu lagi untuk berpaling ke belakang, tetapi dengan azam kuat serta disertai dengan ikhtiar-ikhtiar bijaksana, akan terus bertahan di bawah label 'tidak lagi memerlukan agihan zakat'.*”

- Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memupuk sikap berdikari di kalangan rakyat dan penduduk negara ini terutama mereka yang mempuyai

keupayaan mental dan fizikal kerana usaha ini akan dapat mengurangkan budaya dan pemikiran yang suka bergantung kepada bantuan daripada kerajaan atau daripada pihak-pihak yang berkenaan.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin berharap agar penerima agihan itu tidak akan hanya bergantung pada wang agihan zakat yang mereka terima itu, tetapi dapat memulakan usaha yang baru dan positif

secara kecil-kecilan, ibarat kata orang tua-tua '*sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit*', membuatkan kehidupan mereka itu akan berubah dan secara perlahan-perlahan akan mengeluarkan daripada belenggu kemiskinan.

Ketika menjawab isu yang dibangkitkan Ahli

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto : Abdul Kadir Md. Tahir, Azmah Haji Ahad

Yang Dilantik, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking berhubung para penerima agihan zakat yang masih lagi dikategorikan miskin setelah tempoh bantuan itu tamat, adakah masih layak diberi bantuan?

Menurut Yang Berhormat, nasihat-nasihat dan penerangan kepada mereka yang berkenaan itu telah diberikan, khasnya melalui siaran-siaran radio dan televisyen, melalui media cetak dan juga perjumpaan dengan dengan memberi nasihat-nasihat supaya penerima akan menggunakan wang itu sebaiknya, iaitu dengan cara mengelakkan pembaziran, mengelakkan penggunaannya dan

berbelanja dalam perkara yang tidak bermanfaat.

Ini adalah selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sempena Majlis Penyerahan Dokumen Agihan Baki Wang Zakat Kepada Asnaf Fakir Miskin dan Al-Gharimin, 7 Oktober 2009, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas. Di antara lain baginda bertitah :

“Kepada bakal-bakal penerima Dokumen Agihan Baki Wang Zakat yang berjumlah lebih 4,000 orang pula, diharapkan akan memanfaatkan bahagian mereka masing-masing dengan bijaksana dan berhemah, dengan mengelakkan gaya hidup boros atau membazir. Bahagian masing-masing itu boleh membantu mereka untuk mengatur kehidupan yang lebih baik lagi selepas.”

“Mereka sekarang bukan lagi di bawah label fakir miskin, sekurangnya untuk beberapa tempoh tertentu. Dan tidaklah mustahil, dari jumlah seramai itu, akan ada juga mereka yang tidak mahu lagi untuk berpaling ke belakang, tetapi dengan azam kuat serta disertai dengan ikhtiar-ikhtiar bijaksana, akan terus bertahan di bawah label 'tidak lagi memerlukan agihan zakat'.”

Di samping itu, katanya Kementerian Hal Ehwal Ugama akan menyediakan satu program sebagai Program Peng-



upayaan Asnaf Zakat (PROPAPZ) dengan tujuan bagi membekalkan para penerima agihan zakat itu dengan kemahiran dan kebolehan melalui bimbingan dan latihan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam waktu bimbingan dan latihan tersebut, para peserta itu akan diberikan penempatan kerja di sektor-sektor kerajaan dan swasta.

Dengan adanya kemahiran dan kebolehan serta usaha tersebut, maka, antara hasilnya yang akan diterima ialah akan dapat mengeluarkan diri mereka atau ahli keluarga mereka daripada belenggu atau lingkaran kemiskinan, membuka peluang pekerjaan atau perniagaan; mengurangkan pergantungan kepada bantuan mana-mana pihak dan insya-Allah akan dapat mengubah status para peserta daripada penerima zakat kepada pengeluar zakat.

Berhubung dengan jika masih dikategorikan miskin setelah tempoh bantuan tamat, adakah mereka masih lagi layak diberi bantuan?

Menurut Yang Berhormat lagi, di antara orang-orang yang berhak kepada agihan wang zakat ialah Asnaf Fakir Miskin, maka jika mereka itu jatuh miskin mereka boleh membuat permohonan kepada Majlis Ugama Islam untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Mengeluarkan Wang Zakat dan jika ada wang zakat, maka jawatankuasa tersebut akan mempertimbangkannya.

Projek Pembinaan Lebuhraya Telisai - Lumut dijangka siap pertengahan Februari 2013

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar berkata Projek Pembinaan Lebuhraya Telisai-Lumut yang akan dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dijangka akan mengambil masa 36 bulan untuk disiapkan pada 15 Februari 2013.

Menurut Yang Berhormat Kerja-karya awal tanah telah pun bermula pada 16 Februari yang lalu, termasuk kerja-kerja pembersihan tapak dan ukur tanah. Insya-Allah, kerja-kerja penolakan tanah (*earthwork*), pembinaan pejabat pengurusan tapak, *depot* dan bengkel akan dimulakan dalam jangka masa yang terdekat.

Menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Dilantik, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad mengenai Projek Pembinaan Lebuhraya Telisai-Lumut yang dibangkitkan, Yang Berhormat menjelaskan BEDB telah pun melantik *Surati Construction Sendirian Berhad*, sebuah pemborong tempatan untuk membina lebuh raya tersebut dengan kos bernilai kira-kira BND138 juta berdasarkan kepakaran, kebolehan dan pengalaman mereka dalam kerja-kerja pembinaan jalan raya sebelum ini. BEDB juga telah dimaklumkan berkenaan pelantikan Xing An Ji dari China sebagai subkontraktor untuk kira-kira 75 peratus daripada kerja-kerja yang terlibat.



Walau bagaimanapun, menurut Yang Berhormat lagi, sebahagian besar daripada kerja-kerja tersebut termasuk tawaran untuk membekalkan bahan-bahan pembinaan akan diberikan kepada pemborong - pemborong dan pembekal-pembekal tempatan, seperti kerja-kerja merata dan menimbuk tanah, pembinaan longkang-longkang dan saliran-saliran pembetulan, membekalkan batu kelik, komponen struktur untuk jambatan, pemasangan lampu-lampu jalan raya dan kerja-kerja membubuh asfalt dan sebagainya.

“Selain dari itu, peluang-peluang pekerjaan di berbagai bidang juga telah dikenal pasti akan ditawarkan kepada anak-anak tempatan terutama kekosongan di dalam bidang pengurusan projek, logistik, pentadbiran dan sebagainya,” tegas Yang Berhormat lagi.

“*BEDB telah pun melantik Surati Construction Sendirian Berhad, sebuah pemborong tempatan untuk membina lebuh raya tersebut dengan kos bernilai kira-kira BND138 juta berdasarkan kepakaran, kebolehan dan pengalaman mereka dalam kerja-kerja pembinaan jalan raya sebelum ini.*”

- Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar

Pemborong ‘ditamatkan’ projek kurang memuaskan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 13 Mac. - Projek Jalan ke Lubok Nihing Ulu Tutong yang asalnya dijadualkan untuk siap pada awal tahun 2009. Kontrak projek ini, tegas Yang Berhormat, dengan pemborong tersebut terpaksa ditamatkan pada Mei 2007 disebabkan oleh kemajuan projek yang kurang memuaskan. Projek telah ditawarkan semula dan kontrak baru telah pun bermula pada Februari 2010 dan dijangka akan siap pada Oktober 2013.

Menyentuh mengenai Penarikan Taraf ‘*bahu*’ (*shoulder*) Jalan Raya Lebuhraya Tutong-Muara, Ahli Yang Dilantik mengemukakan persoalannya, adakah pembaikan ‘*bahu*’ jalan ini juga akan dilaratkan ke jalan kampung-kampung atau kawasan pedalaman? Menurut Menteri Pembangunan lagi, rangkaian

termasuk dalam Projek Pembinaan Empangan Ulu Tutong yang asalnya dijadualkan untuk siap pada awal tahun 2009.

Kontrak projek ini, tegas Yang Berhormat, dengan pemborong tersebut terpaksa ditamatkan pada Mei 2007 disebabkan oleh kemajuan projek yang kurang memuaskan. Projek telah ditawarkan semula dan kontrak baru telah pun bermula pada Februari 2010 dan dijangka akan siap pada Oktober 2013.

Menyentuh mengenai Penarikan Taraf ‘*bahu*’ (*shoulder*) Jalan Raya Lebuhraya Tutong-Muara, Ahli Yang Dilantik mengemukakan persoalannya, adakah pembaikan ‘*bahu*’ jalan ini juga akan dilaratkan ke jalan kampung-kampung atau kawasan pedalaman?

Menurut Menteri Pembangunan lagi, rangkaian

jalan raya di Negara Brunei Darussalam mempunyai beberapa kategori di antaranya ialah *primary road*, *secondary road* dan *rural road*. Lebuhraya Muara - Tutong adalah dikategorikan sebagai *primary road*. Bagi jalan dalam kategori ini, ‘*bahu*’ jalan adalah diperlukan untuk tempat pemandu kenderaan berhenti dengan selamat semasa kecemasan dan penyediaan ‘*bahu*’ jalan ini adalah juga mengikut piawaian antarabangsa.

Dalam hubungan ini, Yang Berhormat menjelaskan Jabatan Jalan Raya juga telah menyediakan ‘*bahu*’ jalan raya yang dikategorikan sebagai jalan ‘*secondary*’ seperti Jalan Muara, Jalan Berakas, Jalan Kota Batu, Jalan Mulaut Limau Manis, dan Jalan Junjungan, dengan tujuan yang sama iaitu untuk diguna-

kan semasa kecemasan dan keselamatan pengguna jalan raya.

Menurut Yang Berhormat lagi, buat masa ini juga, beberapa kontrak bagi pembinaan ‘*bahu*’ jalan raya di jalan-jalan utama di luar bandar seperti di Jalan Lamunin dan Jalan Kuala Lurah sedang giat dilaksanakan.

Sementara itu jelasnya, jalan-jalan pedalaman seperti jalan-jalan kecil daerah dan jalan-jalan di kampung-kampung juga diberi perhatian. Dalam Rancangan Kemajuan Negara sejumlah BND120 juta telah pun disediakan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung dan pedalaman bagi keselamatan pengguna jalan raya. Kerja-kerja ini adalah seperti menaik taraf jalan dari jenis jalan batu kepada jenis asfalt dan juga melebarkan jalan berkenaan, jika perlu.

Perkembangan Sumber Tenaga Manusia dan Peningkatan Kapasiti termasuk perkembangan belia

BANDAR SERI BEGA-
WAN, Isnin, 15 Mac. -
Aspek perkembangan
sumber tenaga manu-
sia dan peningkatan
kapasiti termasuk per-
kembangan belia
turut diberikan tum-
puan sejajar pertum-
buhan dan persai-
ngan ekonomi dalam
sebuah negara akan
kurang bergantung
kepada sumber asli-
nya malahan lebih ke-
pada daya inovasi
dan daya saing rak-
yatnya.

Isu tersebut tegas
Menteri Kewangan
Kedua, Yang Berhor-
mat Pehin Orang
Kaya Laila Setia Dato
Seri Setia Haji Awang
Abdul Rahman, ada-
lah relevan kepada
konteks Negara Bru-
nei Darussalam, me-
ngambil kira pergan-
tungan negara kepa-
da hasil minyak dan
gas yang merupakan
sumber yang terhad.

Bagi menghadapi
persaingan abad ke
21 ini, jelas Yang Ber-
hormat, pembangu-
nan kapasiti dan mo-
dal insan perlu dibe-
rikan keutamaan bagi
memastikan penjana-
an pertumbuhan eko-
nomi pada masa ha-
dapan.

Ke arah merealisa-
sikan harapan ini, se-
laras jua dengan Wa-
wasan Brunei 2035
tambahnya, usa-
ha-usaha akan terus
ditumpukan kepada
melahirkan rakyat
yang berpendidikan;
berkemahiran tinggi
dan berjaya melalui
sistem pendidikan se-
bagai platform untuk
memberikan peluang
kepada seluruh rakyat
dan penduduk untuk
memenuhi kehendak
ekonomi yang dina-
mik dan sentiasa ber-

ubah.

Komitmen kerajaan ke
arah mendukung aspi-
rasi ini katanya, dapat
dilihat melalui pelabu-
ran, dengan jumlah
yang besar dalam pe-
nyediaan infrastruktur
pendidikan di seluruh
negara.

Di samping itu Yang
Berhormat menjelaskan,
bagi mencapai matlamat
rakyat yang berpendi-
dikan tinggi, biasiswa di
bawah berbagai-bagai
skim yang membole-
hkan pelajar-pelajar dan
juga anggota-anggota
Perkhidmatan Awam
tempatan untuk me-
ningkatkan taraf pend-
idikan masing-masing,
termasuk melanjutkan
pelajaran dalam dan
luar negara, insya-Allah,
akan terus dihulurkan
kepada rakyat yang ber-
kelayakan.

Selanjutnya Yang Ber-
hormat berkata, pendu-
duk dan tenaga kerja
yang berpengetahuan
(*k-workers*), berkema-
hiran, kreatif dan ber-
inovatif adalah merupa-
kan aset penting kepada
pembangunan negara.

Pengalaman nega-
ra-negara maju jelasnya,
menunjukkan bahawa
semakin tinggi bilangan
graduan yang mempun-
yai ciri-ciri dan kualiti
seumpama ini, maka se-
makin tinggilah kemaju-
an yang boleh dicapai,
dalam pelbagai bidang.

Selaras dengan itu,
Kementerian Pendidikan
terangnya telah mengen-
alpasti, beberapa stra-
tegi di bawah pelaksa-
naan Sistem Pendidikan
Negara Abad Ke 21
(SPN21) yang antaranya
termasuklah melabur
dalam pendidikan awal
kanak-kanak; menggu-
nakan amalan terbaik
antarabangsa dalam pe-
ngajaran dan pembela-
jaran; memperkukuhkan

“ SELARAS dengan itu, Kementerian Pendidikan terangnya telah mengenalpasti, beberapa strategi di bawah pelaksanaan Sistem Pendidikan Negara Abad 21 yang antaranya termasuklah melabur dalam pendidikan awal kanak-kanak; menggunakan amalan terbaik antarabangsa dalam pengajaran dan pembelajaran; memperkukuhkan kompetensi dalam teknologi infokomunikasi termasuk integrasi ICT ke dalam kurikulum sekolah di samping terus mengukuhkan usaha ke arah menghasilkan penuntut yang beriman dan bertakwa. ”

- Menteri Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman

kompetensi dalam tek-
nologi infokomunikasi
(ICT) termasuk integrasi
ICT ke dalam kurikulum
sekolah, di samping te-
rus mengukuhkan usa-
ha ke arah menghasil-
kan penuntut yang ber-
iman dan bertakwa.

Ke arah itu Yang Ber-
hormat menjelaskan,
beberapa peruntukan
bersesuaian telah dise-
diakan antara lainnya
termasuklah tambahan
keseluruhan peruntukan
bagi Kementerian Pen-
didikan dan Kementeri-
an Hal Ehwal Ugama
(KHEU) berbanding Ta-
hun Kewangan
2009/2010, bagi mem-
biayai tambahan
tenaga-tenaga pengajar
di Kementerian Pendi-
dikan; KHEU; serta ins-
titusi-institusi pengajian
tinggi di bawah kement-
erian-kementerian ber-
kenaan terutama institu-
si yang baru dinaikkan
taraf menjadi Universiti.

Peruntukan tamba-
han yang diluluskan ka-
tanya juga termasuk
bagi pembelian perala-
tan-peralatan sekolah;
dan pelaksanaan pro-
jek-projek pembaikan,
pengubahsuaian dan
menaik taraf kemuda-
han-kemudahan di seko-
lah-sekolah; dan juga

program *GenNext* yang
telah diperkenalkan oleh
Universiti Brunei Darus-
salam.

Selain itu jelasnya, pe-
runtukan sejumlah
BND87.9 juta juga di-
sediakan di bawah Ran-
cangan Kemajuan Ne-
gara bagi mendukung
sektor pendidikan di ne-
gara ini, termasuk keper-
luan pelaksanaan SPN21
dan sebagainya.

Seterusnya Yang Ber-
hormat menjelaskan lagi
peruntukan bagi Latihan
Dalam Perkhidmatan
akan ditambah menjadi
sejumlah BND20 juta berbanding
BND18 juta pada Tahun
Kewangan 2009/2010.
Pada keseluruhannya
jumlah ini adalah me-
ningkat BND7 juta ber-
banding Tahun Kewa-
ngan 2008/2009 dan
peruntukan sejumlah
BND35 juta juga dise-
diakan di bawah Dana
Sumber Tenaga Manu-
sia, Rancangan Kemaju-
an Negara Dengan
Harga Rancangan se-
jumlah BND241.9 juta.

Di samping perun-
tukan-peruntukan di
atas tambahannya, perun-
tukan juga diuruskan
kepada memperkem-
bangkan sumber tenaga
manusia dengan tum-



MENTERI Kewangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika di Majlis Mesyuarat Negara. - Foto: Azmah Haji Ahad.

puan kepada aspek-as-
pek utama seperti Me-
ningkatkan kemahiran
dan produktiviti (*Capa-
city Building*); Menjana
Belia yang mampu me-
nyara diri dan *marke-
table*; dan Peningkatan
Penyelidikan dan Per-
kembangan (*Research
and Development*).

Secara keseluruhan-
nya katanya, sejumlah
BND1,108.1 juta
(19.59 peratus) telah
disediakan bagi agen-
si-agensi yang berpe-
ranan dalam meran-
cang dan melaksana-
kan Perkembangan
Sumber Tenaga Manu-
sia, termasuk pendi-
dikan dan hal ehwal
ugama. Di samping itu,
sejumlah BND79.1 juta
juga diperuntukkan ba-
gi pengurusan, pe-
ngendalian dan perlak-
sanaan Teknologi Mak-
lumat dan Infokomuni-
kasi di negara ini.

Yang Berhormat juga
berkata, dalam kea-
daan ekonomi dunia

kan.

Walaubagaimana-
pun, tambahannya, se-
mula pih ak perlulah
juga menyedari ba-
hawa keupayaan Ke-
rajaan untuk berteru-
san melaksanakan
projek-projek dan
program-program,
bagi kesejahteraan
rakyat dan pendu-
duknya, adalah ba-
nyak bergantung ke-
pada kemampuan ne-
gara untuk memper-
olehi sumber penda-
patan yang sustai-
nable.

Oleh itu tambah-
nya, usaha-usaha per-
lulah dipergiatkan un-
tuk mempelbagaikan
aktiviti perekonomian
dan sumber penda-
patannya, supaya
pergantian ke-
pada sumber asli
yang terhad, seperti
sektor minyak dan gas
ini akan dapat diim-
bangi, Insya-Allah.

Ke arah itu, kerja-
sama semua pihak,
termasuk orang ramai
dan pihak swasta je-
lasnya diperlukan ba-
gi sama-sama mendo-
kong aspirasi negara
bagi mempelbagai-
kan aktiviti ekonomi-
nya. Dalam masa
yang sama, melalui
sumber pendapatan
yang sedia ada, kita
perlulah mengamal-
kan sikap berjimat cer-
mat dan mengelakan
pembaziran.

Agensi-agensi kera-
jaan katanya, perlu-
lah berusaha mening-
katkan tahap efficien-
cy dalam menyalur-
kan perkhidmatan
mereka dengan jua
menekankan “cost-
effectiveness” melalui
perancangan yang
teratur dan perlaksa-
naan yang teliti dan
sempurna.



PARA Menteri-menteri kabinet ketika bermesyuarat di Dewan Majlis.

Dari muka 1

Sistem percukaian diperkukuhkan

Seterusnya tambahan kepada pengurangan kadar cukai pendapatan korporat di atas jelasnya, bagi membantu menggalakkan lebih banyak syarikat-syarikat kecil dan sederhana (SME) menyumbang kepada aktiviti perekonomian di negara ini, kadar cukai yang lebih rendah yang diperkenalkan dalam tahun 2008 akan BND100,000 kepada BND250,000.

Walau bagaimanapun tambahannya, pengecualian cukai pendapatan ke atas keuntungan BND100,000 pertama bagi syarikat yang baru ditubuhkan di negara ini, bagi tiga tahun pertama taksiran (selepas mula beroperasi) yang telah diperkenalkan semasa pembentangan belanjawan tahun 2008 adalah masih dikekalkan.

Melalui *threshold* cukai yang baru diperkenalkan tadi jelasnya, akan dapat mengurangkan beban cukai bagi syarikat-syarikat kecil yang memperolehi keuntungan kurang dari BND250,000 setahun kadar cukai yang dikenakan pada tahun taksiran 2011 bagi keuntungan BND100,000 pertama hanyalah sebanyak 5.5 peratus sahaja; manakala keuntu-
ngan BND150,000 seterusnya hanyalah dikenakan

cukai pada kadar sebelas peratus sahaja.

Di samping itu Yang Berhormat menjelaskan, sebagai kesinambungan kepada langkah pemberian potongan tambahan (*further deduction*) sebanyak 100 peratus ke atas sumbangan asal majikan bagi Tabung Amanah Pekerja, faedah ini juga akan dilaratkan kepada sumbangan majikan bagi Skim Persaraan Caruman Tambahan (PCT).

Oleh itu katanya, bayaran potongan sum-
bangan majikan bagi TAP dan PCT akan di-
perkirakan sekali ganda daripada perbelanjaan
sebenar. Langkah ini diharap akan membantu
meringankan beban kewangan syarikat swasta
di negara ini, di samping bagi menggalakkan
pengambilan pekerja-pekerja tempatan.

Seperti jua saranan saya pada sesi tahun lepas,
Yang Berhormat berharap inisiatif-inisiatif
tersebut akan dapat dimanfaatkan bagi me-
ningkatkan lagi daya saing perusahaan kecil dan
sederhana di negara ini.